



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ISU SOSIAL DALAM HUBUNGAN MALAYSIA- AUSTRALIA ERA KEPEMIMPINAN MAHATHIR MOHAMAD, 1981-2003



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



ELENA CHEAH
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ISU SOSIAL DALAM HUBUNGAN MALAYSIA-AUSTRALIA ERA KEPEMIMPINAN MAHATHIR MOHAMAD, 1981-2003

ELENA CHEAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASIINI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 06/7/2021

Student'Declaration:

Saya, ELENA CHEAH, M20152002114 FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk ISU SOSIAL DALAM HUBUNGAN MALAYSIA ERA KEPEMIMPINAN MAHATHIR MOHAMAD, 1981-2003 adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

Supervisor's Declaration:

Saya AHMAD ZAINUDIN BIN HUSIN dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Click or tap here to enter text. ISU SOSIAL DALAM HUBUNGAN MALAYSIA ERA KEPEMIMPINAN MAHATHIR MOHAMAD, 1981-2003 dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh IJAZAH SASTERA

26.8.2021

Tarikh

Tandatangan Penyelia

PROF. MADYA DR. AHMAD ZAINUDIN BIN HUSIN
Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak





UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

اُنیورسیتی فُدیدیقن سلطان ادریس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: ISU SOSIAL DALAM HUBUNGAN MALAYSIA ERA
KEPEMIMPINAN MAHATHIR MOHAMAD, 1981-2003

No. Matrik / Matic's No.: M20152002114

Saya / I: ELENA CHEAH
(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

- 05-4506832 1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
- i. *The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.*
 2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
 - ii. *Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.*
 3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
 - iii. *The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
 4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan sainan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
 - iv. *The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.*
 5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /

Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar / Signature)

Tarikh: 26.8.2021

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

PROF. MADYA DR. AHMAD ZAINUDIN BIN HUSIN

Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris,

35900 Tanjung Malim, Perak

Catatan: Jika Tesis/Disertesi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih dirakamkan kepada Profesor Dr. Ahmad Zainudin Bin Husin dan Dr Rabaah Bt Abdullah atas segala nasihat, dorongan, bantuan dan keprihatinan semasa menyempurnakan tesis ini. Bimbingan, pandangan dan tunjuk ajar yang dihulurkan oleh kedua-dua orang penyelia saya banyak membantu kepada kejayaan penulisan tesis ini. Saya amat menghargai atas kesabaran Dr Ahmad Zainudin yang sedia berkongsi maklumat dan kepakaran, senang dihubungi dan cepat dalam tindakan semasa sesi penyeliaan sepanjang pengajian ini. Semangat kesabaran, pembacaan yang teliti, minat terhadap kajian ini serta maklum balas daripada beliau yang menyakinkan amat membantu untuk menyempurnakan tesis ini.

Pada kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak-pihak yang membenarkan saya untuk mendapatkan bahan mengenai kajian yang saya jalankan. Tesis ini tiada mungkin dapat selesai tanpa bantuan daripada pelbagai pihak. Untuk ini saya ingin merakam setinggi-tinggi penghargaan kepada kakitangan pihak Perpustakaan Tuanku Bainun Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Universiti Malaya, Arkib Negara Malaysia dan *Institut of Southeast Asian Studies, Singapore* yang membenarkan saya untuk mendapatkan bahan bagi tujuan rujukan. Begitu juga kepada kakitangan Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Demikian pula ucapan terima kasih saya sampaikan kepada sahabat-sahabat saya Pelajar UPSI, seperti, Raja Nor Azura Bt Raja Ismail dan sahabat yang sentiasa terbuka untuk membincang skop kajian saya serta memberi sokongan dalam pelbagai hal. Seterusnya, saya ingin merakam penghargaan kepada ibu bapa atas dorongan dan memberi sokongan moral mahupun kewangan kepada saya untuk menyiapkan tesis ini. Merekalah yang menjadi sumber inspirasi kepada saya ketika menyiapkan kajian ini. Semoga tesis ini menjadi pendorong kepada mereka dalam usaha mencapai kejayaan.

Akhir sekali, kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan kajian ini diucapkan terima kasih. Semoga, karya ini akan memberi manfaat kepada sekalian anggota masyarakat terhadap pembangunan bangsa dan negara pada masa akan datang.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menganalisis isu sosial yang mengesani hubungan Malaysia-Australia semasa pemerintahan Mahathir Mohamad antara 1981 hingga 2003. Isu sosial yang diberi tumpuan ialah pelarian, perundangan dan pendidikan. Kajian ini turut menilai setiap langkah yang diambil oleh kedua negara khususnya pemimpin Malaysia yang menerima kesan langsung daripada kemunculan isu tersebut. Kajian ini menggunakan metodologi Sejarah dengan pendekatan kualitatif. Kaedah sejarah meliputi empat peringkat iaitu heuristik atau pengumpulan bahan, kritikan sumber, pentafsiran sumber dan diakhiri dengan penulisan sejarah atau historiografi. Sesuai dengan pendekatan kualitatif, proses pengumpulan bahan banyak menggunakan kaedah penyelidikan kepustakaan atau kajian ke atas sumber bertulis yang terdiri daripada sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer terdiri daripada sumber arkib yang terdiri daripada surat rasmi, dokumen dan gambar. Sumber sekunder pula terdiri daripada buku, jurnal, sumber atas talian, tesis dan majalah semasa. Sumber yang diperolehi akan disahkan ketulenan dan kesahihannya melalui kritikan dalaman dan luaran. Seterusnya sumber tersebut dianalisis dan di tafsir bagi menghasilkan satu idea yang dapat menyokong pembuktian dalam tesis ini. Hasil pentafsiran sumber tersebut dipersembahkan dalam bentuk penulisan sejarah yang menggunakan kaedah deskriptif dan analytikal. Hasil kajian menunjukkan bahawa isu sosial yang timbul sepanjang pentadbiran Mahathir Mohamad iaitu pelarian, perundangan dan pendidikan memberi kesan besar kepada iklim hubungan antara Malaysia dengan Australia. Sifat kepemimpinan kedua negara amat mempengaruhi langkah penyelesaian isu tersebut. Kesimpulan daripada kajian menjelaskan tindakan Malaysia yang tidak bertolak ansur terhadap isu sosial yang mencetuskan ketegangan hubungan kedua negara adalah berkait rapat dengan kepentingan memelihara kedaulatan negara. Sebagai sebuah negara merdeka, hubungan luarnya mestilah tidak melewati batasan kedaulatan bagi memastikan maruah dan keunggulannya sentiasa terpelihara. Implikasi kajian ini menunjukkan perlunya satu mekanisma dibentuk bagi membolehkan para pemimpin dan rakyat negara ini memahami keperluan dalam memelihara kedaulatan negara berlandaskan kepada pengalaman sejarah.





SOCIAL ISSUES IN THE RELATION BETWEEN MALAYSIA-AUSTRALIA DURING MAHATHIR MOHAMED PRIME MINISTERSHIP, 1981-2003

ABSTRACT

This study aims to analyze the social issues affecting Malaysia-Australia relations during Mahathir's governance from 1981 to 2003. The social issues are focusing on refugees, law and education. The study also assesses the steps taken by both countries, especially Malaysian leaders who have been receiving direct impact on the issue. This study uses the History methodology with a qualitative approach. Historical methods include four stages: heuristics or materials collection, resource critique, resource interpretation and ending with writing history. In accordance with the qualitative approach, the process of collecting materials are using a lot of library research methods or studies on written sources consisting of primary and secondary sources. Primary sources are archival sources including of official letters, documents and photographs. Secondary sources include books, journals, online sources, theses and magazines. The sources obtained will be validated and authenticated through internal and external criticism. The sources are analyzed and interpreted to produce an idea to support the idea in this thesis. The results of the interpretation will be presented in the form of historical writing using descriptive and analytical methods. The results show that social issues that arose during the Mahathir's governance, refugees, legislation and education has a significant impact on the climate of relations between Malaysia and Australia. The nature of the two countries' leadership greatly influenced the resolution of the issue. The findings from the study clarify that Malaysia could not tolerate the actions on social issues that sparked tension between the two countries are closely linked to the importance of preserving the country's sovereignty. As an independent nation, their foreign relations must not go beyond the limits of sovereignty to ensure its dignity and superiority are always preserved. The implications of this study indicate that there is a need for a mechanism designed to enable the leaders and citizens of the country to understand the need to preserve the country's sovereignty based on their historical experience.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
------------------------------------	----

PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
--	-----

PENGHARGAAN	iv
--------------------	----

ABSTRAK	v
----------------	---

ABSTRACT	vi
-----------------	----

KANDUNGAN	vii
------------------	-----

SENARAI RAJAH	xiii
----------------------	------



SENARAI SINGKATAN	xv
--------------------------	----

SENARAI LAMPIRAN	xvi
-------------------------	-----

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
-----------------	---

1.2 Latar Belakang Kajian	2
---------------------------	---

1.3 Permasalahan Kajian	4
-------------------------	---

1.4 Objektif Kajian	5
---------------------	---

1.5 Kajian Lepas	6
------------------	---





1.6 Skop Kajian	14
1.7 Metodologi Kajian	15
1.8 Terma Rujukan	19
1.8.1 Konsep Kedaulatan	19
1.8.2 Konsep Hubungan Diplomatik	21
1.8.3 Komanwel British	24
1.9 Pembahagian Bab	27

BAB 2 LATAR BELAKANG HUBUNGAN MALAYSIA-AUSTRALIA

2.1 Pengenalan	28
----------------	----

2.2 Hubungan Malaysia-Australia Sehingga Perang Dunia Kedua	30
2.2.1 Malaysia-Australia Pada Era Perang Dunia Kedua Sehingga Kemerdekaan	31

2.2.2 Aktiviti Tentera Australia Era Darurat	37
--	----

2.2.3 Penubuhan Australia, New Zealand and Defence Pact (ANZAM)	39
---	----

2.3 Hubungan Malaysia-Australia Pasca-Kemerdekaan	40
---	----

2.3.1 Era Pentadbiran Tunku Abdul Rahman 1957-1970	41
--	----

2.3.1.1 Hubungan Malaysia-Komanwel	44
------------------------------------	----

2.3.1.2 Pengunduran British Daripada Terusan Suez	46
---	----

2.3.1.3 Konfrontasi Malaysia-Indonesia 1963-1966 Dan Penglibatan Australia	49
--	----





2.4 Hubungan Malaysia-Australia Era Pentadbiran Tun Abdul Razak Bin Dato Hussein, 1970-1976	56
2.4.1 Isu Pelarian	59
2.4.2 Penyelesaian Isu Pelarian Vietnam Era Tun Abdul Razak	60
2.4.3 Isu Pelancongan	62
2.5 Era Pentadbiran Tun Hussein Onn, 1976-1981	64
2.6 Rumusan	67

BAB 3 ISU PERUNDANGAN DAN HUBUNGAN MALAYSIA-AUSTRALIA

3.1 Pengenalan	69
3.2 Latar Belakang Isu Perundangan Antara Malaysia dengan Australia	70
3.2.1 Pendirian Australia Berhubung Dengan Masalah Dadah	79
3.2.2 Penubuhan National Campaign Against Drug Abuse (1985-1992)	83
3.2.3 The National Drug Strategy (1993-1997)	84
3.3 Isu Dadah Menurut Perspektif Perundangan Malaysia dengan Australia	86
3.3.1 Perundangan Malaysia Berhubung Dadah	86
3.3.2 Sikap Malaysia Terhadap Isu Dadah	92
3.4 Reaksi Masyarakat Antarabangsa Terhadap Penangkapan Warga Australia	95
3.5 Isu Penangkapan Warga Australia Terhadap Hubungan Kedua Negara	101
3.6 Reputasi Malaysia Di Peringkat Antarabangsa	113





3.7	Kerjasama Australia Dan Malaysia Dalam Menyelesaikan Masalah Dadah	117
3.8	Penyelesaian Terhadap Isu Perundangan Antara Malaysia Dengan Australia	126
3.9	Pemulihan Hubungan Malaysia Dan Australia	128
3.10	Rumusan	130

BAB 4 ISU PELARIAN DALAM HUBUNGAN MALAYSIA-AUSTRALIA

4.1	Pengenalan	131
4.2	Latar Belakang Isu Pelarian Di Malaysia	132
4.3	Sikap Malaysia Dan Australia Terhadap Pelarian Vietnam	136
4.4	Isu Pelarian dan Kesannya Terhadap Hubungan Malaysia Dengan Australia.	147
4.4.1	Dasar Kerajaan Fraser Berhubung Isu Pelarian 1976-1983	148
4.4.2	Dasar Imigran Hawke 1983-1990	149
4.4.3	Penempatan Pelarian Vietnam Ke Australia	152
4.5	Usaha Menangani Isu Pelarian Oleh Malaysia Dengan Australia	156
4.6	Sikap Masyarakat Antarabangsa Terhadap Penyelesaian Isu Pelarian Vietnam	158
4.7	Langkah Penyelesaian Isu pelarian Vietnam di Australia	166
4.8	Kawalan Kemasukan Pelarian Oleh Malaysia	170
4.9	Isu Pelarian Vietnam Dan Kemboja Dalam Hubungan Malaysia Australia	173





4.10	Filem <i>Turtle Beach</i> Dalam Hubungan Malaysia-Australia	175
4.11	Reaksi Malaysia Terhadap Australia	176
4.12	Kawalan Kemasukan Pelarian Vietnam	177
4.13	Perintah Tahanan Mandatori	178
4.14	Peningkatan Kebanjiran Pendatang Ke Australia	179
4.15	Langkah Malaysia Mengatasi Pelarian	181
4.16	Langkah Australia Dalam Memulihara Hubungan Dengan Malaysia	181
4.17	Isu Diskriminasi Dalam Dasar Imigrasi	183
4.18	Rumusan	185

BAB 5 ISU PENDIDIKAN DALAM HUBUNGAN MALAYSIA-AUSTRALIA



5.1	Pengenalan	187
5.2	Latar Belakang Perkembangan Pendidikan Malaysia	188
5.3	Kerjasama Malaysia-Australia Dalam Bidang Pendidikan	192
5.3.1	Penubuhan Institusi Pendidikan Tinggi Australia Di Malaysia	193
5.3.2	Penglibatan Badan Sukarela Australia di Malaysia	196
5.4	Isu Pendidikan Dan Kesannya Terhadap Hubungan Malaysia–Australia	197
5.4.1	Isu Yuran Dan Hubungan Malaysia-Australia	198
5.4.2	Reaksi Pelajar dan Masyarakat Antarabangsa Terhadap Kenaikan Yuran Pengajian	205





5.5 Peranan Pemimpin Australia Dalam Menyelesaikan Masalah Pelajar Malaysia	211
5.5.1 Subsidi Yuran Pengajian	211
5.5.2 Skim Subsidi Kerajaan Australia	217
5.5.3 Menamatkan Pengajian	218
5.6 Rumusan	223
BAB 6 KESIMPULAN	225
RUJUKAN	237
LAMPIRAN	264





SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
2.1	Perkuburan Di Sepanjang Laluan Sandakan-Ranau	35
2.2	Laluan Perarakan Maut (<i>Death march</i>) Di Sabah	36
2.3	Anggota Briged 3RAR Memasuki Helicopter Menjalankan Operasi Menjejaki Penceroboh Indonesia	54
3.1	Brian Chambers Dan Kevin Barlow Ditahan Oleh Pihak Berkuastra Malaysia Di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas, Pulau Pinang, Pada 9 November 1983	86
4.1	Pelarian Vietnam Mendarat Di Kem Pelarian Sungai Besi	156





SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Iklan Perubatan Mendapat Kelulusan Lembaga Perubatan Pada Pertengahan Tahun 1977	76
3.2	Rampasan Dadah Oleh PDRM Antara Tahun 1978-1980	91
3.3	Penagih Dadah Dirawat Di Hospital Dan Penjara Antara 1973-1980	91
3.4	Tangkapan Oleh Polis Diraja Malaysia Ke Atas Pengedar, Menjual Dan Memiliki Dadah	92
4.1	Pengambilan Pelarian Vietnam Di Australia	147
5.1	Bilangan Pelajar ke Australia mengikuti kursus di Matrikulasi Australia	192





SENARAI SINGKATAN

AMDA	Perjanjian Pertahanan Inggeries-Malaysia
ANZAM	<i>Australia, New Zealand and Defence Pact</i>
APEC	<i>Asia Pacific Economic Cooperation</i>
ASEAN	Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara
CHOGM	Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel
CPA	<i>International Comprehensive Plan of Action</i>
EEC	<i>European Economic Community</i>
ICDAIT	<i>The UN International Conference on Drug Abuse and Illicit Traffic</i>
NOSS	National Director of the National Oversea Students Service
OS	<i>Oversea Students</i>
OSC	<i>Oversea Students Charge</i>
OSO	<i>Oversea Students Office</i>
OIC	Pertubuhan Kerjasama Islam
PD 11	Perang Dunia Kedua
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
RAAF	<i>Royal Australia Air Force</i>
SEATO	<i>Southeast Asia Treaty Organization</i>
UNHCR	Persuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian





SENARAI LAMPIRAN

- A Peta Kedudukan Antara Malaysia Dan Australia
- B Mahathir Mohamed Membentangkan Rang Undang-undang Akta Dadah Di Dewan Rakyat
- C Akta Dadah Berbahaya, 1952
- D Akta Dadah Di Australia Pada 1980-an dan 1990-an
- E Pelarian Yang Memperoleh Visa Di Australia
- F Perbandingan Antara Bilangan *Permanent Visas Granted To Refugee (Resettle From Overseas With UNHCR Assistance And Permanent Visas Granted to Migrants Melalui Program Migrasi*
- G Hubungan Malaysia-Australia Dalam Bidang Pendidikan Sejak 1980-an
- H Kerjasama Malaysia-Australia Dalam Bidang Pertahanan Sejak 1950, Melalui Perjanjian ANZAM
- I Kerjasama Malaysia-Australia Dalam Pengurusan Penempatan Semula Pelarian Vietnam Ke Australia
- J Borang Permohonan Refugee status Di Australia
- K Tapak Pusat Perlindungan Bagi Pelarian Vietnam Di Pulau Bidong Dan Sungai Besi, Malaysia
- L Kunjungan Rasmi Mahathir Mohamed Ke Australia, Brisbane Bagi Bertemu John Jowards, 1996.
- M Koleksi Ucapan Ketua Eksekutif, Dato Seri Dr Mahathir, Di Majlis Pelancaran Kempen Anti-dadah Peringkat Kebangsaan
- N Koleksi Arkib Ucapan Ketua Eksekutif, Dato Seri Dr Mahathir, *The Third International Conference of Non-Governmental Organisation On Dadah Use Prevention And Control*





BAB 1

PENDAHULUAN



Kajian ini bertujuan untuk membincangkan isu-isu sosial yang mencorakkan pasang surutnya hubungan bilateral antara Malaysia dengan Australia era pemerintahan Mahathir Mohamad antara tahun 1981-2003. ‘*Buy British last*’; *Anti- Australia Placard; Voice and idea from the third world nation always had been neglected* dan ‘*limitation the right of us to determination about the sosial arise in the international level*’ merupakan antara slogan pemimpin Malaysia dalam mencerminkan iklim hubungan diplomatik antara kedua-dua negara komanwel tersebut. Mahathir Mohamad terkenal dengan imej sebagai seorang pemimpin Malaysia yang tidak begitu mesra dalam hubungannya dengan negara Barat. Sifat kepimpinannya yang unik dan berbeza berbanding pemimpin Malaysia sebelumnya turut mempengaruhi hubungan Malaysia dengan blok Barat di Asia dan Oceania termasuk Australia dan Singapura. Keadaan ini





menjadikan hubungan Malaysia dengan negara sekutu Komanwelnya tersebut sentiasa mengalami pasang surut. Pelbagai isu yang mewarnai hubungan antara Malaysia dengan Australia termasuk aspek sosial, ekonomi dan politik. Memandangkan isu ekonomi dan politik sering dibincangkan dalam kajian sebelum ini, fokus penyelidikan ini adalah ditumpukan kepada isu-isu sosial yang mempengaruhi hubungan kedua-dua kuasa tersebut. Sepanjang pemerintahan Mahathir Mohamad, timbul beberapa isu sosial yang mencorakkan hubungan Malaysia dengan Australia. Antara isu tersebut ialah pendidikan, kehakiman, aparteid, pemerdagangan manusia, hak asasi penduduk peribumi dan pelarian yang melibatkan kedua-dua negara. Kajian ini mengupas perkembangan dan penyelesaian terhadap isu sosial tersebut yang memberi kesan kepada hubungan Malaysia dengan Australia, yang merupakan sekutu dalam pertubuhan Komanwel British dan *Five Power Defence Arrangement*.



1.2 Latar Belakang Kajian

Hubungan Malaysia dengan Australia wujud sejak sebelum kemerdekaan Malaysia lagi. Ini diperlihatkan dengan kehadiran Syarikat Perlombongan negara tersebut di Malaysia (Tanah Melayu) selain kerjasama ketenteraan dengan negara tersebut dalam usaha membanteras aktiviti Komunis di Malaysia dan Vietnam. Selepas kemerdekaan di capai pada 1957, hubungan diplomatik mula terjalin sejak tahun 1950. Kerjasama dalam bidang pertahanan, keselamatan, ekonomi dan sosial (pendidikan) melalui Rancangan Colombo bermula antara kedua-dua negara sebaik hubungan tersebut dimulakan.¹

¹ Abdul Rahim Anuar. (2008). "Mengukuh Hubungan Malaysia-Australia," *Utusan Malaysia*, 12/07/2008. Untuk maklumat lanjut tentang sejarah Rancangan Colombo, lihat, Daniel Oakman. (2010). *Facing Asia: A History of the Colombo Plan*. Canberra: ANU E Press.





Keakraban hubungan kedua negara jelas kelihatan apabila keahlian Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) adalah dengan sokongan kerajaan Australia pada tahun 1957. Dasar luar kedua negara semasa pemerintahan Tunku Abdul Rahman adalah begitu baik. Keanggotaan dalam Pertubuhan Komanwel serta persamaan sikap terhadap Komunis menjadikan hubungan kedua pihak sentiasa diperkuuh antara satu sama lain. Australia terlibat secara langsung dalam membantu Malaysia daripada aspek pertahanan ketika menghadapi dua krisis penting iaitu pemberontakan komunis 1948 hingga 1960 dan konfrontasi Malaysia-Indonesia 1962-1966. Dari aspek lain, Malaysia turut membantu Australia dalam menempatkan tenteranya di pangkalan udara Butterworth ketika pasukan tersebut menyertai *Southeast Asia Treaty Organization* (SEATO) dalam operasi ketenteraan di Vietnam. Ketika Tanah Melayu baru mengcapai kemerdekaan pada 1957, fokus utama dasar luar negara adalah kepada pertahanan.

Keanggotaan Tanah Melayu (Malaysia) dalam *Anglo-Malaya Defence Agreement* (AMDA) turut melibatkan tentera Australia. Tentera ini juga terlibat dalam usaha dalam membanteras aktiviti subversif Komunis dan juga mempertahankan Malaysia ketika konfrontasi dengan Indonesia. Hubungan pertahanan kedua negara berterusan setelah *Five Power Defence Arrangement* (FPDA) menggantikan AMDA setelah pengunduran tentera British daripada timur Suez bermula pada 1970.² Meskipun hubungan pertahanan masih wujud antara kedua negara, tetapi terdapat pasang surut hubungan kedua negara yang berkaitan dengan isu sosial, ekonomi dan politik era pasca Perang Dingin antara kedua negara. Ketegangan tersebut jelas kelihatan ketika pemerintahan Mahathir Mohamad yang mempengaruhi hubungan bilateral Malaysia-Australia dan Canberra. Kajian ini bertujuan untuk menganalisa isu sosial yang mengesani hubungan

² Lihat, Saki Dockrill. (2002). *Britain's Retreat from East of Suez: The Choice between Europe and the World?* New York: Palgrave Macmillan.





kedua-dua negara dalam tempoh antara 1981 hingga 2003. Tumpuannya kepada tiga isu penting iaitu isu perundangan, pelarian dan pendidikan yang dilihat memberi kesan kepada hubungan bilateral Malaysia-Australia.

1.3 Permasalahan Kajian

Malaysia mengamalkan hubungan yang baik dengan semua negara yang mempunyai dasar politik yang selari dengannya. Konsep ini berteraskan kepada prinsip saling menghormati kedaulatan antara satu sama lain. Hubungan diplomatik yang dibentuk Malaysia melampaui kepentingan ideologi. Ini dapat dilihat berdasarkan hubungannya dengan bukan sahaja dengan negara liberal demokrasi tetapi juga negara Komunis.

Walau bagaimanapun, negara ini sejak awal lagi berpegang teguh dengan pendirian yang tidak akan mengadakan hubungan diplomatik dengan Israel atas dasar pembinaan negara tersebut dianggap tidak sah kerana merampas kedaulatan milik Palestin.

Aspek kedaulatan merupakan asas terpenting dalam pembentukan dasar luar Malaysia. Ini jelas apabila hubungan diplomatik yang terbentuk dengan negara asing adalah atas dasar saling menghormati kedaulatan negara atas prinsip sama taraf. Oleh itu, hubungan dengan mana-mana negara akan terjejas sekiranya terdapat unsur yang boleh menjelaskan kedaulatan negaranya sendiri tanpa mengira bagaimana rapat pun hubungan sebelum ini. Atas prinsip tersebut jugalah, Malaysia pernah memutuskan hubungan diplomatik dengan Filipina kerana enggan mengiktiraf kedaulatan Malaysia termasuk Sabah pada awal tahun 1970.





Berdasarkan kepada perkembangan tersebut, hubungan Malaysia dengan Australia pernah beberapa kali tegang sejak sebelum pemerintahan Mahathir Mohamad (1981-2003), lantaran kritikan terhadap isu dalaman Malaysia yang menyentuh soal kedaulatan. Sikap ini dianggap sebagai campur tangan terhadap isu dalaman yang menyebabkan ketegangan hubungan. Ketegangan tersebut bukan sahaja melibatkan isu keselamatan, politik dan ekonomi tetapi juga sosial. Memandangkan isu keselamatan, politik dan ekonomi banyak dibincangkan oleh penulis lain secara ilmiah, kajian ini bertujuan untuk menilai sejarah hubungan antara kedua negara berkait dengan isu sosial. Tiga isu yang diberi perhatian ialah pelarian, perundangan dan pendidikan. Isu ini dipilih kerana ia memberi impak besar kepada hubungan kedua negara selepas Perang Dingin 1945 hingga 1990. Penilaian terhadap ketiga isu ini dapat menjelaskan bagaimana isu sosial mampu mempengaruhi pola hubungan kedua negara bersahabat ini. Malah ia dapat menjelaskan bagaimana sikap Malaysia terhadap negara lain yang menyentuh soal kedaulatannya walaupun telah bersahabat sejak sebelum merdeka lagi.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai tiga objektif utama iaitu:

- a) Meneliti latar belakang hubungan Malaysia dengan Australia. Aspek yang diteliti ialah sejarah awal hubungan kedua negara sejak tahun 1950 apabila Australia mula menghantar wakilnya Pesuruhjaya ke Tanah Melayu dan Pesuruhjaya Tinggi mulai 1957. Penelitian terhadap latar belakang ini ditamatkan pada tahun 1981 setelah Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri Malaysia.



- b) Menilai kepentingan tiga isu sosial yang mempengaruhi hubungan Malaysia dengan Australia. Isu tersebut terdiri daripada Pendidikan, Pelarian dan Perundangan. Penilaian isu ini terdiri daripada tiga aspek iaitu permulaan, perkembangan dan penyelesaian.
- c) Menganalisa perkara yang menjadi keutamaan dalam mencorakkan hubungan antara Malaysia dengan negara asing dengan melihat hubungan dengan Australia. Negara tersebut dianggap paling relevan dalam menilai hubungan luar Malaysia kerana hubungannya yang paling awal dan penting dari segi keselamatan, ekonomi dan ideologi ketika Perang Dingin. Penganalisaan dilaksanakan berdasarkan kepada faktor personaliti kepemimpinan, maruah dan

1.5 Kajian Lepas

Kajian terhadap hubungan Malaysia-Australia pada era kepemimpinan Mahathir Mohamad merupakan satu kajian yang penting dalam menilai sikap Malaysia terhadap hubungan antarabangsa. Pada umumnya, kajian khusus tentang topik hubungan bilateral Malaysia-Australia dari aspek sosial pada era kepemimpinan Mahathir Mohamad masih kurang dijalankan. Terdapat pengkaji yang menulis secara umum melihat hubungan Australia-Malaysia. Kajian yang banyak dijalankan berkaitan hubungan Malaysia-Australia adalah bermula selepas era kepemimpinan Mahathir Mohamad iaitu Abdullah Ahmad Badawi (2003-2009) dan Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak bermula 2009

sehingga kini. Pemerintahan selepas era pemerintahan Mahathir Mohamad hubungan Australia-Malaysia kelihatan lebih baik. Kajian tentang hubungan Malaysia dengan Australia kebanyakannya dikaji dari sudut politik, ekonomi dan keselamatan. Ini berbeza dengan kajian ini yang melihat bagaimana isu sosial dapat menjelaskan sikap Malaysia terhadap hubungannya dengan negara Australia.

Antara penulisan yang membincangkan tentang persepsi hubungan antara Malaysia dengan Australia daripada aspek ekonomi ditulis oleh Rita Camilleri iaitu, *Attitudes and Perception in Australia~Malaysia Relation*. Kajian Rita Camilleri menyentuh aspek persepsi dan pandangan pemimpin antara sesebuah negara dalam melaksanakan hubungan diplomatik dari aspek kewilayah, keselamatan serta perkembangan ekonomi perdagangan.³ Beliau berpendapat hubungan yang dijalankan kedua negara berdasarkan pucuk kepimpinan sesebuah negara. Pandangan beliau disokong oleh penganalisaan terhadap suasana hubungan Malaysia-Australia era pemerintahan Mahathir Mohamad yang bersifat anti-British serta cenderung kepada Asia Timur melalui Dasar Pandang ke Timur⁴ serta hubungan dengan eratnya dengan negara Islam serta pertubuhan *The Organisation of Islamic Cooperation* (OIC), selain berusaha meningkatkan populariti *The Association of Southeast Asian Nations* (ASEAN) mengatasi *Asia-Pacific Economic Cooperation* (APEC). Penulisan ini lebih kepada untuk memperlihatkan keperibadian Mahathir Mohamad sebagai pemimpin yang anti-Barat yang menentukan dasar Malaysia. Ini berbeza dengan kajian tesis ini yang lebih melihat asas dasar luar negara itu sendiri yang menentukan hubungannya dengan negara lain.

³ Rita Camilleri. (2001). *Attitudes and Perception in Australia~Malaysia Relation*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 19-25.

⁴ *Ibid.*



Penulisan yang lain yang bertajuk *Australia's Foreign Policy*, ditulis T. B Mallar.

Beliau dalam penulisannya lebih menekankan dasar Australia dan kepentingan negara Australia dalam menjalinkan hubungan dengan dunia luar. Seterusnya, dalam penulisan ada juga memberi penekanan sebahagian hubungan Australia bersama dengan negara Asia Tenggara terutamanya dari aspek keselamatan, politik ekonomi dan membahaskan sedikit berkaitan dengan isu sosial telahpun dijadikan sebagai panduan kepada penyelidik untuk men lengkapkan kajian. Dalam bukunya, penulis lebih menekankan secara terperinci berkaitan dengan keperluan Australia dalam menjalankan hubungan diplomatik dengan negara jiranya bagi mempertahankan kedaulatan negaranya. Khususnya, hubungan Malaysia-Australia telah terjalin melalui perjanjian ANZAM.⁵ Melalui perjanjian ini, negara anggotanya akan saling bertukar maklumat ketenteraan bagi menghadapi ancaman musuh. Selain penulisan ini juga menyentuh aspek keselamatan dan pertahanan bagi kepentingan menjalinkan hubungan dengan negara Asia. Penulisannya juga menyentuh sedikit sifat kepemimpinan kabinet Australia dalam mereka bentukan dasar luar Australia. Tambah pula, kerjasama Australia dengan negara Komenwel yang lain dan juga dalam penulisannya ada juga memaparkan sifat kepemimpinan Malaysia semasa di bawah pentadbiran Mahathir Mohamad mempunyai hubungan yang tegang akibat daripada beberapa isu yang timbul yang menyebabkan hubungan antara Malaysia-Australia menjadi tegang hanya dibincangkan secara umum sahaja. Ini berbeza kepada penulisan pengkaji yang ingin menyentuh secara terperinci isu sosial dalam mencorakkan hubungan Malaysia-Australia.

⁵ T.B.Mallar. (1968). *Australia's Foreign Policy*. Sydney: Angus and Robertson Ltd, hlm. 47-85.





Kajian yang lebih memberi penekanan aspek ketenteraan, keselamatan dan pertahanan bagi membentuk sesebuah dasar Australia dibincangkan dalam penulisan B. Chakravorty dalam bukunya yang berjudul *Australia's Military Alliance: A Study In Foreign and Defence Policies*. Dalam penulisan ada menyentuh secara umum hubungan Malaysia-Australia dibentuk dalam aspek ketenteraan dan pertahanan.⁶ Tetapi dalam penulisannya tidak menyentuh secara terperinci tentang isu sosial dalam mencorakkan hubungan negara Malaysia-Australia seperti yang ingin dikaji oleh pengkaji. Penulisannya lebih menekankan secara terperinci berkaitan dengan faktor keperluan negara Australianya dalam menjalinkan hubungan dengan negara luar bagi menjamin kedudukan negaranya agar tidak diancam oleh musuh luar bagi mempertahankan kedaulatan negara. Penulisannya juga memberi penjelasan yang terperinci hubungan Australia bersama Inggeris dan Amerika Syarikat sejak 1951, melalui perjanjian ANZUS yang disertai oleh Amerika Syarikat, New Zealand dan Australia adalah bertujuan menjaga kepentingan Australia dan sekutunya di Asia Pasifik. Secara jelasnya, dalam penulisannya telah menggambarkan dasar luar Australia lebih mengutamakan hubungan dengan negara dalam kalangan negara dunia pertama berbanding daripada negara dari kalangan dunia ketiga sejak awal lagi. Selanjutnya, pengkaji mendapati penulisannya tidak membincangkan hubungan Malaysia-Australia pada era kepemimpinan Mahathir Mohamad. Tetapi penulisannya ada membincangkan secara umum berkaitan pertubuhan ASEAN pada 1967 semasa pemerintahan Tun Hussein Onn.⁷ Tujuan utama dalam pertubuhan ini adalah untuk membantu pertumbuhan ekonomi, pertahanan, keselamatan kawasan regionalnya dan juga menjaga kepentingan

⁶ Birendra Chandra Chakravorty. (1977). *Australia Military Alliance's: A Study in Foreign and Defence Policies*. New Delhi: Sterling Publication, hlm. 20-35.

⁷ *Ibid.*, hlm. 111-112.





bersama negara anggotanya. Kajian ini berbeza dengan pengkaji yang ingin memberi penekanan terhadap aspek sosial dalam pembentukan hubungan Malaysia- Australia.

Penulisan lain yang terdekat dengan tajuk pengkaji yang berjudul *Attitudes and Perception in Australia-Malaysia Relations: A Contemporary Profile*, ditulis Rita Camilleri, diterbitkan tahun 2001⁸ membincangkan aspek persepsi dan sikap dalam pembentukan hubungan Malaysia-Australia. Penulisnya lebih menekankan peranan media massa dalam mempengaruhi hubungan antara Malaysia-Australia. Penulisannya dari segi aspek sosial hanya menekankan secara umum dalam bab 4, khususnya berkaitan dengan peranan media memberi pandangan berkaitan sistem perundangan Malaysia terhadap pesalah sindiket dadah Barlow dan Chambers.⁹ Bab ini akan dijadikan sebagai panduan untuk pengkaji bagi melengkapkan kajian secara komprehensif. Secara keseluruhannya, dalam penulisannya juga menggambarkan bahawa hubungan antara Malaysia-Australia berada pada paras yang rendah semasa pentadbiran Mahathir Mohamad berbanding dengan pemimpin sebelumnya. Australia mengalami banyak kesukaran dan cabaran semasa pemerintahan Mahathir Mohamad dalam menjalankan hubungan diplomatik. Buktinya, Mahathir Mohamad sentiasa melontarkan kritikan berkaitan dengan sikap negara barat yang memandangkan rendah terhadap negara membangun. Dengan itu, polisi negara Malaysia semasa pimpinan Mahathir Mohamad dilihat memaparkan hubungan lebih mesra dengan negara Asia iaitu melalui “*Look East Policy*”. Pemimpin pada masa itu pula, menyarankan rakyatnya menjadi Asia Timur sebagai model. Hal ini, secara tidak langsung mengundangkan ketidakpuashatian pihak barat dengan memperalatkan media sosial khususnya melalui

⁸ Rita Camilleri. (2001). *Attitudes and Perception in Australia-Malaysia: A Contemporary*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

⁹ *Ibid.*





siaran radio, TV mahupun akhbar antarabangsa yang memaparkan keburukan tentang negara Malaysia sebagai membala dendam. Selanjutnya, penulisannya juga ada memberi penerangan secara umum berkaitan beberapa isu-isu yang timbul telah menjadi punca ketegangan antara hubungan Malaysia-Australia. Selain peranan media massa, aspek sosial berkaitan dengan pelarian juga ada dibincangkan secara umum, dalam media massa Australia, telah memaparkan keburukan cara layanan Malaysia terhadap pelarian. Dengan ini, media massa memainkan peranan penting dalam mencorakkan hubungan kedua-dua buah negara merupakan aspek yang amat ditekankan dalam penulisan Rita Camilleri ia berbeza dengan penulisan pengkaji yang ingin memperincikan secara komprehensif tentang aspek isu sosial iaitu perundangan, pelarian dan pendidikan dalam mencorakkan hubungan Malaysia-Australia yang tidak ditekankan oleh penyelidik lain.



Begitu juga, antara tulisan yang terdekat dengan tajuk penulisan ini juga menjadi bahan rujukan iaitu karya Diane K. Mauzy & R.S Milne yang berjudul *Malaysian Politics Under Mahathir*.¹⁰ Dalam kajiannya, ada juga menyentuh perkara mengenai persepsi Mahathir Mohamad semasa selaku Perdana Menteri Malaysia terhadap Australia. Penulisan beliau juga menggambarkan polisi kerajaan Malaysia pada waktu itu tidak mengamalkan hubungan yang baik dengan Australia malah kritikan antara sama lain dua buah negara sering berlaku sebagai contohnya Malaysia dalam rancangan TV3 menyiaran tajuk “*The Ugly face of Australia*” yang berkaitan cara layanan kerajaan Australia terhadap penduduk Aborigine dan imigran Asia.¹¹ Pada masa yang sama Australia juga melakukan kritikan terhadap Malaysia tentang kes hukuman mati

¹⁰ R.S. Milne & Diane K. Mauzy. (1999). *Malaysian Politics Under Mahathir*. New York: Library of Congress Cataloging in Publication data., hlm.140-141.

¹¹ *Ibid.*





ke atas seorang pengedar dadah, Kevin John Barlow Brian Geoffrey, sebagai bersifat kejam dan tidak berperikemanusiaan.¹² Kritikan seterusnya, berkenaan aktiviti pembalakan yang dijalankan di Sarawak adalah haram, tidak mencintai alam dan membawa pencemaran¹³ Begitu juga isu-isu yang lain menyebabkan kerenggangan hubungan antara Malaysia-Australia sehingga Mahathir Mohamad melaksanakan polisi “buy Australian last”.¹⁴ Hal ini ternyata, dasar luar Malaysia semasa pemerintahan Mahathir Mohamad enggan mewujudkan hubungan yang erat dengan negara Australia dari semua aspek. Ini menyebabkan Mahathir Mohamad sering dikritik oleh pemimpin Australia dan menyifatkan beliau sebagai “*recalcitrant*”.¹⁵ Perbincangan berkaitan dengan aspek sosial tidak dibahaskan secara mendalam dalam penulisan ini. Bagi melengkapkan kajian ini, sebahagian isu yang dibahaskan yang berkaitan sosial timbul dalam mempengaruhi hubungan Malaysia-Australia akan dijadikan panduan kepada pengkaji dalam melengkapkan kajian.

Di samping buku-buku terdapat juga beberapa kajian kecil dalam majalah, jurnal ataupun disertasi yang telah membincangkan tentang hubungan Australia-Malaysia. Sesungguhnya terdapat kajian yang menyentuh hubungan Australia- Malaysia era pentadbiran Mahathir Mohamad tidak membincangkan secara seimbang dan menyeluruh.

¹² *Ibid.*

¹³ *Ibid.*

¹⁴ *Ibid.*

¹⁵ *Ibid.*



Antara kajian ini termasuklah kajian Khadijah¹⁶ yang membicarakan dasar luar Malaysia semasa Mahathir Mohamad tetapi kajiannya kurang memberi spesifik secara keseluruhan berkaitan hubungan Malaysia-Australia malah menurut disertainya Malaysia semasa pentadbiran Mahathir Mohamad amat menekankan hubungan bersama negara Timur sehingga beliau melancarkan ‘*look east policy*’. ¹⁷ Beliau juga menyarankan rakyat agar melihat negara timur sebagai panduan dalam hidup dan menolak gaya hidup barat seperti nada ucapan Mahathir Mohamad yang dicatat dalam kajiannya. ¹⁸ Menurut kajiannya juga menggambarkan hubungan renggang antara Malaysia dengan negara barat. Hal ini dapat dibuktikan polisi ‘*Buy British last*’ pada 2 Oktober 1981 yang menjadikan hampir kesemua barang dan perkhidmatan dari Britain sebagai pilihan terakhir.¹⁹ Walaupun hal demikian, kerajaan Malaysia-Australia masih mengekalkan hubungan dari aspek lain seperti dalam perdagangan. Beliau juga menggalakkan pelabur asing ke Malaysia melalui *Foreign Direct Investment*.²⁰ Kajian Khadijah dalam disertasinya lebih memberi penenkanan hubungan Malaysia-Australia dari aspek politik, ekonomi dan menyentuhkan secara umum isu sosial yang timbul dalam mempengaruhi hubungan antara kedua-buah negara seperti yang ingin dikaji

¹⁶ Khadijah Md Khalid. (t.t). *Malaysian Foreign Policy Orientation and relation in the Post-Mahathir Years*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, hlm. 309-312.

¹⁷ Khadijah Md Khalid. (1999). *Malaysia Japan relation: Explaining of the road causes of the Pro-Japan orientation of Malaysia in the post-1981 period* (unpublished Phd thesis, School of Oriental and African Studies). Lihat, Khadijah Md. Khalid & Lee, P.P., (2003). *Whither the look east policy*. Bangi: UKM Press.

¹⁸ Ucapan Mahathir Mohamad at the 5th Joint Annual Conference of MAJEC/AJAMECA, Kuala Lumpur, 8 February 1982; reproduced in Koleksi Ucapan Mahathir, Vol. 4, 1992:34-35, as quoted in ibid. *Malaysia-Japan Relations: Explaining the Root Causes of the Pro-JapanOrientation of Malaysia in the Post-1981 Period*. Chapter One, Part III, hlm. 12.

¹⁹ Khadijah Md Khalid. (t.t). *Malaysian Foreign Policy Orientation and relation in the Post-Mahathir Years*, hlm. 311-312.

²⁰ Ibid. Melalui FDI/ aliran pelaburan asing, Mahathir Mohamad amat meyakini banyak peluang pekerjaan akan mewujud di pasaran dan mengurangkan kadar pengangguran bagi memastikan perkembangan ekonomi Malaysia berterusan. Selain itu, FDI menekankan industri berintensif buruh. Begitu juga, dapat mengurangkan pembanjiran warga asing mengisi tempat kosong kerja di Malaysia bagi mengelak banyak wang aliran keluar negara akan berlaku dan menyebabkan ekonomi negara kita terjejas. Lihat, Farihan Han, September 17, 2010. ‘*Foreign Direct Investment*’. Capaian pada 2 Februari 2016. Melalui talian (<http://blogtunm.blogspot.my/2010/09/foreign-direct-investment.html>).



oleh pengkaji secara komprehensif. Usaha mencari maklumat daripada sumber pertama amat diperlukan bagi memperincikan keseluruhan isu sosial dalam mencorakkan hubungan Malaysia-Australia bagi membantu pengkaji menghasilkan disertasi yang sempurna.

1.6 Skop Kajian

Skop kajian dalam penulisan ini meliputi jangka waktu 22 tahun iaitu dari tahun 1981-2003. Tahun 1981 diambil sebagai permulaan kajian kerana pada masa itu, Malaysia bawah kepemimpinan Mahathir Mohamad. Era ini amat penting dalam hubungan antara Malaysia dengan Australia kerana ia dapat memperlihatkan bagaimana isu sosial turut memberikan kesan yang besar kepada hubungan kedua negara. Selain daripada hubungan kedua negara era ini juga dapat menjelaskan pendirian Malaysia yang berpegang kepada prinsip hubungan atas dasar sama taraf. Reaksi Malaysia terhadap Australia agak lemah semasa Mahathir Mohamad adalah disebabkan Australia kelihatan mengutamakan pandangan negaranya yang disokong sekutu Barat berbanding negara rakan Asia berhubung dengan isu sosial. Reaksi terhadap sikap Australia yang bertentangan dengan prinsip dasar luar Malaysia dapat dijadikan kayu ukur kepada ketegasan dalam mempertahankan prinsip serta kedaulatan negara. Tahun 2003 pula dipilih sebagai tahun akhir dalam kajian ini kerana ia merupakan tahun terakhir pentadbiran Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia yang keempat.





1.7 Metodologi

Penyelidikan sejarah merupakan satu usaha untuk merekonstruk masa lalu untuk menghasilkan pemahaman bagi menjelaskan bagaimana generasi terdahulu menyelesaikan masalah dengan keterbatasan ruang dan peluang ketika itu. Bagi melaksanakan tugas tersebut, kaedah penyelidikan sejarah digunakan bagi memastikan penghasilan karya yang mampu memenuhi falsafah sejarah itu sendiri. Sejarawan seperti Muhd. Yusof Ibrahim,²¹ Louis Gottschalk,²² Ibrahim Alfian²³ dan Garraghan telah menghasilkan penulisan yang menghuraikan apakah metodologi sejarah. Garraghan²⁴ (1946), mendefinisikan kaedah sejarah sebagai prinsip dan kaedah yang sistematik digubal untuk mengumpul sumber sejarah secara berkesan untuk dikaji dan dianalisis. Dalam usaha untuk memperoleh kebenaran tersebut, beliau mencadangkan empat langkah yang perlu dilakukan seorang penyelidik sejarah iaitu pertama, mengumpulkan sumber sejarah secara berkesan, iaitu berlandaskan kepada kaedah yang betul. Kedua, menilai sumber sejarah tersebut secara kritis melalui kritikan dalaman dan luaran, tujuannya adalah untuk memastikan fakta yang diperolehi adalah sah dan diperoleh dari sumber yang tulin. Ketiga, memberikan interpretasi dan analisis terhadap sumber untuk memahami makna yang sebenarnya dari bukti-bukti sejarah yang dijumpai, dan keempat membentangkan hasil yang diperolehi dalam bentuk tulisan. Pandangan Garraghan ini turut disokong oleh Gottschalk.²⁵

²¹ Muhd. Yusof Ibrahim. (1986). "Pengertian sejarah, beberapa perbahasan mengenai teori dan kaedah". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 41.

²² Louis Reichenthal Gottschalk. (1969). *Understanding history: a primer of historical method*. New York: University of Chicago, hlm. 3.

²³ Ibrahim Alfian. (2002). Dari Samudera Pasai ke Yogyarkata: persembahan kepada Tenku Ibrahim Alfian. Indonesia: Yayasan Masyarakat Sejarawan Indonesia, hlm. 140-143.

²⁴Gilbert J. Garraghan (ed). (1946). *A Guide to Historical Method*. New York: Fordham UP, hlm. 33.

²⁵ Louis Gottschalk. (1986). *Mengerti Sejarah*, (Terj). Nugroho Notosusanto. Jakarta: UI Press.





Kajian ini memfokuskan kepada isu-isu sosial dalam hubungan Malaysia dengan Australia era pentadbiran Mahathir Mohamad. Sumber yang digunakan dalam penulisan ini meliputi sumber primer berupa dokumen yang diperoleh daripada Arkib dalam dan luar negara. Dokumen yang diperolehi daripada dalam negara meliputi dokumen Arkib Negara Malaysia yang berbentuk ucapan dan dokumen kementerian luar. Dokumen dari Arkib Luar Negara pula diperoleh daripada penyelidik yang memiliki bahan tersebut atau koleksi peribadi yang tersimpan di Arkib Negara Malaysia. Dokumen daripada arkib Australia pula diperoleh secara online daripada laman web agensi tersebut.

Sumber sekunder yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah buku, penerbitan rasmi, jurnal dan penulisan lain yang diterbitkan seperti surat khabar, majalah dan penerbitan lain yang berkaitan. Sumber sekunder ini turut membantu penyelidik dalam mendapatkan pandangan penulis sebelumnya bagi melengkapi penyelidikan selain daripada mengenal pasti lompong kajian tentang sejarah diplomasi Malaysia dan Indonesia. Sumber sekunder ini diperolehi di Perpustakaan Tuanku Bainun Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perpustakaan Za'ba Universiti Malaya (UM), Perpustakaan Utama Universiti Malaya, perpustakaan Tun Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Perpustakaan Negara Malaysia dan perpustakaan atas talian. Data daripada sumber sekunder dikumpul melalui rakaman video yang telah dibuat dalam bentuk rakaman temu bual atau wawancara media. Sumber sekunder ini digunakan untuk mendapatkan pelbagai pandangan tentang corak hubungan serta membantu penulis dalam mendapatkan pandangan menyeluruh tentang kajian yang pernah dilakukan, sumber yang digunakan, bentuk analisis dan bentuk penulisan yang digunakan dalam menghasilkan penulisan tersebut. Selain daripada itu





usaha tersebut juga dapat menentukan kedudukan penyelidikan ini dalam kalangan sejarawan bidang dasar luar Malaysia.

Seterusnya kaedah kritikan sumber juga diamalkan dalam memastikan sumber yang digunakan itu adalah sah dan tulen. Untuk dokumen yang diperolehi daripada arkib, kritikan luar tidak perlu dilaksanakan kerana ia telahpun dipastikan agensi tersebut tentang ketulinannya. Walau bagaimanapun, kritikan dalaman masih perlu dilaksanakan bagi memastikan maklumat yang tertulis dalam dokumen tersebut adalah sah dan tidak diputarbelitkan. Bagi sumber sekunder, kritikan dalaman juga dilaksanakan bagi memastikan yang hasil kajian yang dirujuk tersebut menggunakan sumber yang sah. Selain daripada itu kritikan dalaman juga dilakukan ke atas sumber kedua bagi memastikan tafsiran yang dibuat oleh penulis tersebut tidak bias atau memihak kepada mana-mana pihak tertentu. Seterusnya proses mengumpul maklumat dilaksanakan daripada kedua-dua sumber tersebut untuk tujuan penyelidikan.

Langkah tersebutnya dalam menghasilkan penulisan sejarah ialah dengan membuat tafsiran ke atas fakta yang diperoleh daripada sumber primer dan sekunder. Fakta yang diperoleh perlu ditafsirkan bagi menyokong hujah pengkaji dalam membuktikan kajian mereka. Dalam penyelidikan ini, fakta berkaitan dengan perbezaan prinsip antara Malaysia dengan Australia digunakan untuk menyokong penghujahan dalam penyelidikan ini. Ia berdasarkan kepada isu sosial yang muncul antara tahun 1981 hingga 2003. Tafsiran yang berasaskan fakta diharap dapat menjelaskan lagi perbincangan untuk menjawab persoalan yang dikaji.



Setelah proses heuristik, kritik dan tafsiran dilakukan ke atas fakta yang diperolehi, peringkat seterusnya ialah penulisan sejarah. Untuk memaparkan sejarah hubungan Malaysia dengan Australia antara tahun 1981 hingga 2003, pengkaji menggunakan penulisan bercorak naratif, deskriptif dan analitikal. Kaedah ini membolehkan pengkaji mentafsir fakta masa lalu dan menyusunkannya dalam bentuk kesatuan yang menyeluruh. Penulisan berbentuk naratif akan menghasilkan penulisan sejarah yang menekankan perubahan dan kesinambungan sesuatu isu.²⁶ Oleh itu unsur kronologi merupakan amat penting dalam penulisan kajian ini.

Penulisan dalam bentuk deskriptif melibatkan cara penulisan yang melibatkan penerangan lebih terperinci. Kaedah ini membantu menyingkap, memaparkan atau mendedahkan sesuatu perkara agar lebih mudah difahami.²⁷ Pendekatan kaedah penulisan ini adalah penting bagi membantu pengkaji menyampaikan hasil kajian yang dijalankan supaya nampak lebih jelas dan ilmiah. Begitu juga, penyampaian dalam bentuk ini lebih mudah difahami oleh pembaca mengenai fakta yang ingin disampaikan oleh pengkaji dalam penulisannya. Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan beberapa kaedah penulisan yang bersesuaian perbincangan setiap bab dalam kajian ini untuk menjadikan latihan ilmiah ini lebih bersepadu dan menarik.

Pendekatan kaedah analitis yang digunakan oleh pengkaji dalam menyampaikan hasil kajian juga amat penting untuk memastikan sumber-sumber yang diperoleh oleh pengkaji dapat disampaikan secara jelas. Pendekatan ini merupakan satu pendekatan

²⁶ F.R. Ankersmith. (1987). *Refleksi tentang Sejarah*. Jakarta: Gramedia, hlm. 226

²⁷ Bilcher Bala. (2000). *Penyelidikan dan Penulisan Sejarah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 112.



Sejarah yang bersifat kritis dan jelas dalam penulisannya.²⁸ Gaya penulisan ini juga menuntut penggunaan pemikiran, olahan, kupasan dan renungan yang mendalam. Oleh itu, pengkaji akan cuba membuat penelitian, menganalisis dan menilai sumber-sumber asli yang ada serta mengembangkan fakta yang sedia ada melalui kaedah pendekatan ini.²⁹ Penggunaan kaedah penulisan ini bukan sahaja memantapkan hasil penulisan pengkaji tetapi turut menjamin ketepatan fakta yang diperoleh oleh pengkaji dalam penulisannya.

1.8 Terma Rujukan

1.8.1 Konsep Kedaulatan



Pelbagai tafsiran diajukan para cendekiawan dan ahli falsafah berhubung dengan konsep kedaulatan negara. Ahli falsafah terawal yang membincangkan konsep ini ialah Jean Bodin (1530-1596) melalui tulisannya yang bertajuk *Six Books of the Commonwealth* (1995).³⁰ Dalam tulisannya, beliau mendefinisikan kedaulatan itu sebagai satu kuasa tertinggi di dalam sebuah negara.³¹ Ini menjelaskan lagi sesebuah negara yang berdaulat itu mempunyai hak ke atas warganegaranya. Lambang kedaulatan tersebut terletak kepada pemegang kuasa tertingginya yang ditentukan oleh perlembagaan seperti raja atau pemerintah negara tersebut.³² Dalam kes negara Malaysia, lambang kedaulatan negara ialah Yang-Dipertuan Agong pula ditentukan

²⁸ *Ibid.*

²⁹ Arba'iyah Mohd Noor. (2002). *Ilmu Sejarah dan Pensejarahan*, hlm. 21.

³⁰ Jean Bodin. (1967). *Six Books of the Commonwealth*. Oxford: B, Blackwell, hlm. 1-10.

³¹ *Ibid.*

³² *Ibid.*





oleh Majlis Raja-raja. Kedudukan Ketua Pemerintah ini dijamin oleh perlembagaan Malaysia tidak boleh dipertikaikan.³³

Ini membuktikan yang kuasa pemimpin tertinggi ini perlu diterima oleh seluruh warganegara Malaysia. Konsep penerimaan masyarakat umum terhadap pemerintah ini pernah ditegaskan oleh John Bodin dan Thomas Hobbes, iaitu sesebuah negara berdaulat itu memerlukan satu kuasa yang unggul dan diterima serta dihormati oleh semua pihak.³⁴ Kedaulatan sesebuah negara itu perlu diiktiraf oleh setiap masyarakat dalam negara itu sendiri, sebelum ia mendapat pengiktirafan antarabangsa. Oleh itu seluruh rakyat atau warganegara tidak wajar mempersoalkan kuasa tertinggi yang sah dan dilantik menurut perlembagaan. Ini bersesuaian dengan kedudukan hak dan kebebasan masyarakat atau warganegara itu yang tertakluk kepada perlembagaan.

Pengiktirafan antarabangsa ke atas kedaulatan sesebuah negara itu ditandai dengan hubungan diplomatik.³⁵ Ini jelas sebagaimana yang dinyatakan oleh Katni Kamsono Kiblat iaitu kedaulatan negara hanya boleh dikuasai secara holistik oleh kuasa Tuhan yang sentiasa lebih berkuasa ke atas pemerintah.³⁶

Tugas mempertahankan kedaulatan negara perlu dipikul oleh seluruh warganegara tanpa mengira pangkat dan kedudukan. Peranan asas warganegara atau rakyat itu ialah menumpukan seluruh taat setia yang tidak berbelah bagi kepada pemimpin negara yang berdaulat bagi menjamin keselamatan negara. Ini terkandung

³³ Timothy P. Daniels. (2005). *Building Cultural Nationalism in Malaysia*. New York: Routledge, hlm 43-44

³⁴ Stephane Beaulac. (t.t). The Social Power of Bodin's 'Sovereignty' and International Law. *Melbourne Journal of International Law*. volume 4, hlm 1-28.

³⁵ Katni Kamsono Kiblat. (1986). *Asas Ilmu Politik*. Selangor: Biroteks, hlm. 62.

³⁶Ibid.



dalam konsep perjanjian atau kontrak sosial yang termeteri ketika awal pembentukan sesebuah negara. Ia berkait rapat dengan kedudukan mempertahankan kedaulatan itu tidak dapat dipisahkan dengan konsep mempertahankan keselamatan negara. Ia tidak terhad kepada angkatan bersenjata sahaja tetapi melibatkan seluruh warganegara. Contohnya warganegara atau rakyat perlu bergading bahu untuk menyekat usaha-usaha mencabar kedaulatan negara. Mereka juga perlu menjadi mata dan telinga kepada pihak berkuasa bagi mengekang usaha-usaha mencabar kedaulatan seperti pencerobohan bersenjata ataupun pembocoran maklumat rahsia negara.

1.8.2 Konsep Hubungan Diplomatik

Secara umumnya diplomatik merupakan hubungan yang terjalin antara dua atau lebih negara antara kerajaan yang mempunyai sasaran dan kepentingan bersama. Hubungan diplomatik antara sebuah negara dengan negara lain mudah terjalin apabila negara-negara memegang visi dan misi yang sama. Bagi memastikan keselamatan dan kedaulatan sesebuah negara terjamin dan tidak mudah terganggu dengan ancaman luar, kerajaan perlu bertindak lebih bijaksana dengan menumpukan kaedah pembentukan, penyusunan serta mengawal jalinan hubungan dengan teliti. Terdapat pelbagai tafsiran mengenai konsep diplomatik dalam penulisan *Ensiklopedia dunia diplomatik* sebagai kaedah pengendalian perundingan antara negara yang melibatkan pembentukan dasar yang diikuti oleh sebuah negara untuk mempengaruhi negara lain.³⁷ Mengikut sumber portal rasmi kerajaan mentakrifkan konsep hubungan Malaysia pula, Malaysia sentiasa mengekalkan hubungan yang baik dengan negara luar dengan mengamalkan prinsip

³⁷(t.p). *Ensiklopedia dunia*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 216.


rundingan, keterbukaan kerjasama dalam bidang politik, ekonomi dengan sosial.³⁸ Menurut Mokhtar Muhammad dalam bukunya perhubungan antarabangsa: konsep dan konteks, definisi diplomatik ialah hubungan tersusun antara kerajaan merupakan rangka asas kepada perhubungan antara negara dengan menggunakan kebijaksanaan dan budi bicara dalam perhubungan rasmi di antara negara.³⁹ Sesebuah hubungan diplomatik yang tersusun akan membawa manfaat kepada negara seperti memudahkan jalinan hubungan kerjasama yang erat antara sesebuah kerajaan, sama ada dari sudut hubungan politik, ekonomi, sosial dan budaya mahupun agama. Selain itu, menurut Holsti⁴⁰ dalam bukunya berpendapat diplomatik merujuk kepada semua bentuk interaksi antara anggota pelbagai masyarakat sama ada disokong oleh kerajaan ataupun tidak.



05-4506832



Johua S. Goldstein dalam bukunya menyatakan bahawa diplomatik merujuk



ptbupsi

kepada kajian mengenai hubungan kerajaan.⁴¹ Sementara itu, definisi diplomatik mengikut perspektif Islam bermaksud tujuan utama diplomasi terjalin antara sebuah kerajaan dan kerajaan lain adalah berdasarkan konsep keadilan dunia ia tidak mengira bahawa sama ada sesebuah negara tersebut mempengaruhi kuat ataupun lemah serta wilayah penaklukan besar mahupun kecil yang penting semua negara dapat menikmati keamanan, kestabilan, kebebasan, hemat serta kebajikan masyarakat. Jelas bahawa

³⁸ "Hubungan diplomatik Malaysia". *Arkib berita*. Capaian pada 20 November 2018. Melalui talian (<http://pmr.penerangan.gov.my>).

³⁹ Mokhtar Muhammad. (2005). *Perhubungan antarabangsa: konsep dan konteks*. Kuala Lumpur: Anzagain Sdn.Bhd, hlm. 18.

⁴⁰ Holsti K.J. (1983). *International Politics: A Framework for analysis*. New Jersy: Prantice-Hall Inc, hlm. 19.

⁴¹ Joshua S. Goldstein & Jon C.Pevehouse. (1994). *International relations*. New York: Harper Collins, hlm. 1.



hubungan diplomatik menurut perspektif Islam amat menekankan prinsip moral seperti yang telah tertakluk dalam Al-Quran.⁴²

Seterusnya, hubungan diplomatik harus diamalkan oleh setiap negara bagi menjamin kedaulatan dan pertahanan negara seperti dalam penulisan Mohd Jamil Mukmin menjelaskan bahawa lazimnya tujuan utama sesebuah kerajaan menjalankan hubungan diplomatik dengan negara yang berpengaruh adalah untuk mengelakkan ancaman munsuh yang dapat membantut urusan pemerintahan dan pentadbiran kerajaan berkenaan.⁴³ Oleh itu, kerjasama dalam sesuatu dasar, objektif dan konsep yang ingin dicapai secara bersama merupakan perkara penting untuk ditekankan dan menjadi pendorong sesebuah kerajaan itu mengadakan hubungan diplomatik.⁴⁴ D. G Hall dalam bukunya telahpun membuktikan kepentingan hubungan diplomatik sesebuah negara.



Beliau menyatakan hubungan diplomatik telah wujud pada zaman pra-Islam, kerajaan

Funan merupakan antara kerajaan terawal yang mengamal hubungan diplomatik di alam Nusantara. Tujuan hubungan diplomatik adalah menumpukan kepada perkembangan aktiviti perdagangan.⁴⁵ Menurut portal rasmi kerajaan Malaysia, dasar luar Malaysia bertujuan untuk melindungi kepentingan national di arena antarabangsa.⁴⁶ Menurut pernyataan mantan Menteri Luar Negeri, Dato' Seri Syed Hamid Albar, objektif paling utama dasar luar Malaysia adalah bertujuan menjaga, mempertahankan dan memajukan kepentingan-kepentingan Malaysia di peringkat antarabangsa. Selain itu, dasar ini turut menjaga dan mempertahankan kemerdekaan, kedaulatan dan keselamatan Malaysia

⁴² G.W.Chodhury. (1993). *The prophet Muhamad and his life and eternal message*. Kuala Lumpur: WHS Publication Sdn Bhd, hlm. 99.

⁴³ Mohd Jamil Mukmin. (2011). Sejarah hubungan diplomasi Kerajaan Melayu: Satu tinjauan. *Jurnal IKSEP*, Vol 2, hlm. 71-90.

⁴⁴ *Ibid.*

⁴⁵ D.G.E. Hall. (1966). *A History of South-East Asia*. London: Mac-Millan Publishers, hlm. 25.

⁴⁶ "Pengenalan Dasar Luar Negara". *Portal 1 klik tepat dan bermaklumat*. Capaian pada 10 November 2018. Melalui Talian (pmr.penerangan.gov.my).





seterusnya mempertahankan prinsip menghormati kemerdekaan dan kedaulatan sesebuah wilayah melalui dasar tidak campur tangan dalam hal ehwal dan masalah dalam negara lain.⁴⁷ Malaysia mengamalkan hubungan diplomatik yang bijaksana dan tersusun. Buktinya dalam sumber portal menjelaskan “Malaysia mengamalkan prinsip pendekatan berbaik-baik dengan negara-negara lain di samping bersedia menjalin hubungan diplomatik dengan negara lain yang sudi bekerjasama dengan negara”.⁴⁸ Seterusnya, Malaysia turut menekankan penyelesaian masalah antara negara lain melalui perundingan atau meja bulat dan menolak unsur paksaan dan kekerasan.⁴⁹

1.8.3 Komanwel British

Negara-negara Komanwel⁵⁰ atau Komanwel dianggap sebagai satu persatuan secara sukarela yang melibatkan negara-negara berdaulat⁵¹ yang ditubuhkan atau pernah dijajah oleh Pihak British kecuali Mozambique (bekas jajahan Portugis) dan Rawnda (bekas jajahan Belgium).⁵² Komanwel merupakan lanjutan Empayar British yang wujud daripada Persidangan Imperial 1920-an.⁵³ Selepas negara-negara jajahan British

⁴⁷ *Ibid.*

⁴⁸ *Ibid.*

⁴⁹ *Ibid.*

⁵⁰ Komanwel diwujudkan pada 1931 hasil inisiatif Lord Rusebury. Pertubuhan ini merupakan pertubuhan negara jajahan British. Syarat keahlian Komanwel mesti sebuah negara merdeka, taat kepada raja Britain dan mematuhi prinsip persamaan taraf antara negara. Lihat, John Kindle, (1972). *The British Empire-Commonwealth, 1897-1931*. Melbourne: Cheshire, hlm. 45-50.

⁵¹ Bukan semua ahlinya mengiktiraf ratu British iaitu Ratu Elizabeth 11 sebagai ketua negara. Bagi negara mengakuinya sebagai ketua negara dikenali sebagai kerajaan Komanwel atau “commonwealth Realm”. Walau Bagaimanapun, majority ahlinya adalah republik, dan sebahagian yang lain mempunyai raja tersendiri. Contohnya seperti Malaysia, Tonga dan Brunei mempunyai raja sendiri. Namun demikian, semua ahlinya meanggap Ratu Elizabeth 11 sebagai ketua Komanwel. Lihat, Colin M.Coates, (t.t). *Majesty in Canada: Essay on the role of royalty*. Toronto: Dundurn, hlm.141-143.

⁵² “Komanwel”. Portal 1 Klik tepat dan bermaklumat. Capaian pada 2 June 2017. Melalui talian (<http://pmr.penerangan.gov.my>).

⁵³ Heather J. Harvey. (1952). *Consultation and Co-operation in the Commonwealth: A Handbook on Methods and Practice*. London: Oxford University Press, hlm. 80.





mengecapi kemerdekaan, Komanwel telah ditubuhkan bertujuan menyatukan negara-negara bekas jajahan British.⁵⁴ Seterusnya, antara tujuan penubuhan Komenwel adalah untuk mengeratkan hubungan dan perpaduan dalam kalangan anggota, membentuk persepaduan di bawah satu pertubuhan dan bekerjasama dalam pelbagai bidang dalam kalangan negara anggota, menjaga kebijakan keahlian negara anggota dan juga memajukan negara anggota, memberikan kemudahan dan layanan yang baik daripada kerajaan Britain terutama untuk pasaran barang negara anggota Komanwel di Britain, menyediakan bantuan kepada pelbagai bidang untuk meningkatkan lagi kepakaran negara anggota serta memberikan kemudahan pendidikan kepada negara anggota melalui Rancangan Pelajaran Komanwel.⁵⁵

Antara faedah Malaysia menyertai Komanwel ialah dapat memeterai perjanjian

pertahanan dengan Britain, Australia dan New Zealand. Ketiga-tiga negara iaitu Britain, Australia dan New Zealand pernah membantu Malaysia menghadapi Konfrontasi Malaysia-Indonesia serta ancaman gerakan bersenjata komunis.⁵⁶ Ini merupakan manfaat Malaysia menjadi keanggotaan Komanwel menyebabkan Malaysia berpeluang menyertai Pakatan Pertahanan Lima Negara dan menjamin keselamatan dan pertahanan negara seandainya Malaysia menghadapi ancaman musuh. Selain itu, negara Britain banyak memperuntukkan modal di Malaysia terutamanya dalam sektor ekonomi seperti

⁵⁴ Antara negara anggota Komanwel termasuklah Eropah, United Kingdom, Cyprus, Malta, Amerika Syarikat, Kanada, Jamaika, Trinidad dan Tobago, Barbados, Bahamas, Grenada, Domicia, St. Lucia, Saint Vincent and the Grenadines, Antigua dan Barbuda, Belize, St Kitts and Nevis, Amerika Selatan, Guyana, Afrika, Afrika Selatan, Ghana, Nigeria, Sierra Leone, Tanzania, Uganda, Kenya, Malawi, Zambia, Gambia, Botswana, Lesotho, Mauritius, Swaziland, Seychelles, Namibia, Mozambique, Cameroon, Rwanda, Asia, India, Pakistan, Sri Lanka, Malaysia, Singapura, Bangladesh, Maldives, Brunei, Australia dan Oceania, Australia, New Zealand, Samoa, Tonga, Papua New Guinea, Kepulauan Solomon, Vanuatu, Tuvalu, Kiribati, Nauru. Lihat, "Komanwel". *Portal 1 Klik tepat dan bermaklumat*. Capaian pada 2 June 2017. Melalui talian (<http://pmr.penerangan.gov.my>).

⁵⁵ Commonwealth Secretariat. (1987). *The Commonwealth at the summit: Communiques of Commonwealth Heads of Government Meetings, 1944-1986*. London: The Secretariat, hlm. 3-10.

⁵⁶ Patrick M. Mayerchak. (1992). *East Asia and the Western Pacific*. Washington: Stryker-Post Publications, hlm. 101.





sektor perladangan dan perlombongan.⁵⁷ Seterusnya, Malaysia dapat menjadikan Komanwel sebagai platform untuk menaikkan imej negara serta menyuarakan suara dan mempertahankan kedaulatan negara. Sebagai contohnya, Malaysia menyuarakan rasa tidak puas hati dan tentang dasar Apartheid di Afrika Selatan.⁵⁸ Malaysia melalui medium Komanwel untuk menyokong sepenuhnya melaksanakan sekatan ekonomi terhadap Afrika Selatan, ketika Barat melaksanakan dasar tersebut.⁵⁹ Tambah pula, Malaysia menyeru negara maju memberi perhatian kepada Komanwel. Begitu juga, Malaysia membangkitkan isu alam sekitar dan hak asasi Manusia dengan mengeluarkan Deklarasi Langkawi.⁶⁰ Bagi mengukuhkan hubungan baik antara negara anggota Komanwel juga, Malaysia berperanan memberi bantuan kepada Sri Lanka maklumat berkaitan benih potong getah dan cara menanam getah.⁶¹ Sementara itu, Malaysia memberi biasiswa kepada pelajar Britain, India, New Zealand, Australia dan lain-lain untuk belajar di negara begitu.⁶² Begitu juga sebaliknya, negara anggota Komanwel seperti Australia dan British juga menjadikan destinasi pelajar Malaysia sama ada dibawah pembiayaan kerajaan ataupun persendirian melanjutkan pengajian di sana.⁶³ Contohnya, melalui Rancangan Colombo pelajar Malaysia memperoleh biasiswa untuk menuntutkan pelajaran ke Britain, Australia dan New Zealand.⁶⁴

⁵⁷ Govindachetty Rangaswami. (1987). *Agriculture in Asia-Pacific Commonwealth*. New Delhi: Prentice Hall of India, hlm. 35-38.

⁵⁸ Federal Department of Information Malaysia. (1982.) “Against Apartheid”. *Malaysia digest*, Volume 13, Issues 17-19. Kuala Lumpur: Federal department of Information Malaysia, hlm. 2.

⁵⁹ *Ibid.*

⁶⁰ Dennis P. Dykstra. (1996). *Forest codes of practice : contributing to environmentally sound forest operations: proceedings of an FAO/IUFRO Meeting of Experts on Forest Practices, Feldafing, Germany, 11-14 December 1994*. Rome: Food and Agriculture Organization of the United Nations, hlm. 93-94.

⁶¹ Govindachetty Rangaswami. (1987). *Agriculture in Asia-Pacific Commonwealth*. New Delhi: Prentice Hall of India, hlm. 10-15.

⁶² Derek Ingram. (1969). *The Commonwealth at Work*. London: Pergamon Press Inc, hlm. 43-45.

⁶³ *Ibid.*

⁶⁴ Amarjit Singh. (2013). *Indian diaspora: voices of grandparents and grandparenting*. Rotterdam: Sense Publishers, hlm. 84.



1.9 Pembahagian Bab

Bab 1: Pengkaji hanya memperkenalkan tajuk Kajian, bab ini mengandungi pengenalan tentang tajuk, permasalahan kajian, kajian lepas, tujuan kajian, objektif kajian, skop kajian, metodologi kajian dan pembahagian bab.

Bab 2: Pengkaji ingin membincangkan latar belakang hubungan Malaysia-Australia sebelum era kepemimpinan Mahathir Mohamad.

Bab 3: Pengkaji ingin membincangkan isu berkaitan akta dadah berbahaya Malaysia yang mencorak hubungan Malaysia-Australia era kepemimpinan Mahathir Mohamad (1983-2003).

Bab 4: Pengkaji ingin membincangkan isu pelarian Vietnam yang mengesani hubungan Malaysia-Australia.

Bab 5: Pengkaji ingin membincangkan isu kenaikan yuran pengajian mengesani hubungan Malaysia-Australia.

Bab 6: Pengkaji akan membuat rumusan tentang peristiwa yang berlaku sepanjang tempoh kajian yang telah dikaji dan analisis melalui kesemua bab yang dijadikan sebagai kesimpulan untuk kajian ini serta menjawab permasalahan yang telah dikemukakan. Bab ini juga akan menunjukkan hasil kajian melalui penganalisis yang telah dilaksanakan oleh penyelidik terhadap permasalahan kajian yang terdapat dalam tajuk ini.